

**TEKS UCAPAN ALUAN  
YDH DEPUTI INSPEKTOR JENERAL  
DATO' SRI NOOR RASHID BIN IBRAHIM  
TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA  
MERANGKAP PRESIDEN PERSATUAN  
BOLA SEPAK PDRM  
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN  
PASUKAN BOLA SEPAK PDRM MUSIM 2016**

**TARIKH : 07 FEBRUARI 2016 (AHAD)  
MASA : 8.30 MALAM  
TEMPAT : BALLROOM 1  
HOTEL MARRIOT PUTRAJAYA**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.**

Yang Berusaha

Saudara Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat

Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi

Timbalan Perdana Menteri

Merangkap Menteri Dalam Negeri

Yang Dihormati

Inspektor Jeneral

Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar

Ketua Polis Negara

Merangkap Penaung

Persatuan Bola Sepak PDRM

Yang Berhormat  
Datuk Nor Jazlan bin Mohamed  
Timbalan Menteri Dalam Negeri

Yang Berbahagia  
Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Dalam Negeri

Yang Dihormati  
Komisioner Polis  
Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah  
Pengarah Pengurusan PDRM  
Merangkap Timbalan Presiden  
Persatuan Bola Sepak PDRM

Yang Dihormati  
Komisioner Polis  
Datuk Muhammad Fuad bin Abu Zarim  
Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam  
Merangkap Setiausaha Kehormat  
Persatuan Bola Sepak PDRM

Yang Dihormati Dato' Seri-Dato' Seri, Dato'-Dato', Ketua-ketua Pengarah dan Agensi KDN, Pengarah-Pengarah PDRM serta Timbalan-Timbalan Pengarah.

Yang Berbahagia Dato'-Dato' dif-dif jemputan, pegawai-pegawai kanan PDRM dan KDN serta agensi di bawah KDN, wakil-wakil media, tuan-tuan, puan-puan serta hadirin yang dihormati sekalian.

**Alhamdulillah**, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan taufik dan hidayahNya, kita dapat bersama-sama

pada hari yang berbahagia ini bersempena dengan **Majlis Pelancaran Pasukan Bola Sepak PDRM Musim 2016**.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri di atas kelapangan masa dan dapat hadir ke majlis ini. Begitu juga kepada dif-dif jemputan yang lain, yang turut sama hadir bagi memeriahkan lagi majlis pada hari yang berbahagia ini.

Sesungguhnya kehadiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri di majlis ini, amatlah dihargai dan disanjung tinggi. Lebih membanggakan, apabila tahun ini merupakan tahun ke-3, Yang Amat Berhormat Dato' Seri bersama-sama kami untuk memberi sokongan berterusan terhadap perjuangan Pasukan Bola Sepak PDRM dalam meneruskan saingan memburu gelaran dalam kancah liga bola sepak Malaysia.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh ahli jawatankuasa yang terlibat di atas persiapan yang begitu rapi, sehingga majlis pada hari ini dapat direalisasikan sebagaimana yang dirancang.

**Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Tan Sri, Dato'-Dato' dan hadirin yang dihormati sekalian,**

Majlis yang kita adakan hari ini merupakan manifestasi kepada harapan tinggi daripada pucuk pimpinan serta seluruh warga PDRM kepada pasukan bola sepak PDRM. Ia diharap dapat meniup dan membangkitkan semangat juang dalam pasukan kita untuk terus konsisten mempamerkan prestasi yang terbaik di dalam liga nanti, insya-Allah.

Untuk kejohanan liga musim ini, PDRM telah melakukan beberapa transformasi kepada pasukan The Cops musim 2016, sebagai langkah memberi nafas baru selepas mengambil kira beberapa aspek.

Penghijrahan beberapa pemain yang dianggap tonggak utama, sudah tentu sedikit sebanyak menjejaskan perancangan jangka masa pendek dan panjang pasukan. Namun, kehadiran beberapa tonggak baru yang membarisi jentera pasukan bagi musim 2016 kali ini dijangka mampu meledakkan kembali saingan dan mengekalkan momentum pencapaian pasukan.

Sukacita dimaklumkan bahawa The Cops bakal diperkuatkan dengan kehadiran pemain import dari Brazil iaitu **Andrezinho**, pemain serba boleh dari Singapura **Safuwan Baharuddin** dan **Konate Souleymane** dari Mali. Khidmat pemain import terbaik Liga Malaysia 2014 iaitu **Ali Ashfaq** juga akan terus dikekalkan. Manakala kesebelasan utama The Cops terdiri daripada kalangan anggota PDRM akan kekal membentuk tulang belakang pasukan bagi musim baru 2016.

Tahun ini, khidmat **Abdul Mubin bin Mokhtar** yang telah 3 tahun bersama-sama pasukan sebagai pengurus pasukan kelihatannya masih diperlukan. The Cops turut memperlihatkan kemampuan anggotanya bagi mengemudi jentera pasukan apabila pihak pengurusan PDRM memberi kepercayaan kepada **P/Sarjan Mohd. Fauzi Pilus** sebagai pengendali pasukan dibantu dua penolong jurulatih, **Sarjan Mejar Anuar bin Udin** dan **Koperal Rohaizan bin Md Rib** serta jurulatih penjaga gol, **Koperal Mohd Atfan bin Hat**. Semoga barisan kejurulatihan The Cops dapat menyusun strategi gerak gempur pasukan bagi menghadapi saingan musim 2016, serta dapat menyalurkan aura kemenangan kepada pemain pasukan PDRM.

Seperti yang kita sedia maklum, **PDRM FA** pernah dinobatkan sebagai **Juara Liga Perdana 2014** dan berjaya menamatkan saingan **Liga Super 2015 di tangga keenam** dari 12 pasukan yang berentap, dan seterusnya layak ke pertandingan Piala Malaysia. Ini merupakan antara pencapaian terbaik pasukan dan ia sangat membanggakan seluruh warga PDRM.

Justeru, saya yakin bahawa kombinasi barisan pemain The Cops kali ini pastinya akan memberikan permainan yang lebih cemerlang bagi bersaing dengan 11 pasukan lain. Dengan perancangan taktikal, strategi dan formasi yang tepat oleh Ketua Jurulatih, tidak mustahil pasukan PDRM FA mampu menggegarkan saingan Liga Malaysia 2016 dan mencapai sasaran sekurang-kurangnya satu piala kejuaraan, insya-Allah.

**Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Tan Sri, Dato'-Dato' dan hadirin yang dihormati sekalian,**

Pada kesempatan ini, saya ingin melahirkan penghargaan kepada para penaja iaitu **LINE 7**, selaku penaja pakaian dan peralatan sukan, **Mutiara Sendirian Berhad** yang menaja pengangkutan pasukan, serta penaja utama iaitu **Puncak Niaga**. Besarlah harapan kami agar kerjasama yang terjalin ini dapat terus dikekalkan.

Tidak juga dilupakan kepada **seluruh penyokong pasukan PDRM FA, tidak kira sama ada penyokong Fan Club, Ultras dan mana-mana kelab penyokong**, sesungguhnya sokongan tuan-tuan dan puan-puan amat kami hargai kerana ***tanpa penyokong, maka siapalah The Cops.***

**Akhir kata**, selamat berjuang diucapkan kepada semua pemain dan barisan jurulatih serta pengurusan kelab. Bertandinglah dengan penuh semangat kesukanan demi memartabatkan imej pasukan di persada negara.

Sekali lagi saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi, dif-dif jemputan dan juga kepada semua pihak terlibat bagi menjayakan majlis ini.

**Sekian, wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

**Terima kasih.**